

Zakat sebagai Pemangkin Pembangunan Ekonomi: Ke Arah Negara Berpendapatan Tinggi

Zakat as A Catalyst to Economics Development: Towards High-Income Country

Zarina Kadri
Sanep Ahmad
Mohd Ali Mohd Noor
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan membuktikan secara teori dan empirikal bahawa zakat sebagai instrumen semula jadi dasar fiskal Islam boleh berperanan menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi menuju ke arah negara berpendapatan tinggi. Pembuktian teoretikal dan empirikal dilakukan menggunakan model penggunaan Keynesian. Dapatan kajian membuktikan bahawa agihan zakat kepada golongan berpendapatan rendah dapat meningkatkan permintaan agregat dan merangsang pertumbuhan ekonomi kerana kecenderungan mengguna sut golongan miskin lebih tinggi daripada kecenderungan mengguna sut golongan kaya, yang akhirnya dapat membantu mempercepatkan pencapaian status negara berpendapatan tinggi. Memandangkan zakat adalah perkara wajib dalam syariah Islam maka kajian merumuskan bahawa fungsi zakat perlu diperkasakan agar ia benar-benar menjadi pemangkin ke arah negara berpendapatan tinggi.

Kata Kunci: Zakat, dasar fiskal Islam, permintaan agregat, negara berpendapatan tinggi.

ABSTRACT

This study aims to prove theoretically and empirically that the zakat as a natural instrument of Islamic fiscal policy can serve as a catalyst to economics development towards high-income country. Theoretical and empirical proof will be conducted based on Keynesian consumption model. The findings proved that the distribution of zakat to the lower income group increases aggregate demand and stimulate economics growth as the marginal propensity to consume of this group is higher than the marginal propensity to consume of the rich group, which eventually speed up the achievement of the status of high-income country. Since zakat is an obligation in Islamic law, then the study concluded that zakat function should be strengthen for the realization of its role as a catalyst towards high-income country.

Keywords: Zakat, Islamic fiscal policy, aggregate demand, high-income country.

PENGENALAN

Zakat adalah salah satu daripada Rukun Islam yang lima. Justeru, tanggungjawab membayar zakat adalah sebahagian daripada ibadah dalam menyempurnakan kehidupan setiap Muslim. Allah telah berfirman menerusi Surah at-Taubah ayat 71 bahawa menunaikan zakat merupakan sebahagian daripada ciri-ciri orang ang beriman, yang bermaksud:

“Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi sesetengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebajikan dan melarang daripada berbuat kejahatan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan Rasulnya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; Sesungguhnya Allah Maha Kuasa lagi Maha Bijaksana.”(at-Taubah: 71)

Sebagai salah satu daripada Rukun Islam, arahan untuk melaksanakan tanggungjawab zakat ini adalah sangat besar di mana mereka yang gagal melaksanakannya akan mendapat balasan azab yang pedih di dunia dan akhirat. Hal ini dinyatakan dalam Surah *al-Fussilat*, yang mengkhabarkan ancaman Allah terhadap orang-orang *musyrik*. Ayat ini turut menerangkan ciri-ciri orang musyrik, di antaranya ialah tidak menunaikan zakat dan tidak mempercayai akan adanya hari akhirat.

“Katakanlah (wahai Muhammad): Sesungguhnya aku hanyalah seorang manusia seperti kamu; diwahyukan kepadaku bahawa Tuhan kamu hanyalah Tuhan yang Satu; maka hendaklah kamu tetap teguh di atas jalan yang betul lurus (yang membawa kepada mencapai keredhaanNya), serta pohonlah kepadaNya mengampuni (dosa-dosa kamu yang telah lalu). Dan ingatlah, kecelakaan besar bagi orang-orang yang mempersekutukanNya (dengan sesuatu yang lain), iaitu orang-orang yang tidak memberi zakat (untuk membersihkan jiwa dan hartanya) dan mereka pula kufur ingkar akan adanya hari akhirat.”(al-Fussilat: 6-7)

Kepentingan zakat terhadap orang Islam adalah jelas daripada hadis-hadis yang menyatakan bahawa dibenarkan memerangi orang-orang Islam yang mendirikan solat tetapi tidak menunaikan zakat. Rasulullah SAW sendiri ada menyebut bahawa sesiapa yang mendirikan solat tetapi tidak menunaikan zakat, maka solatnya adalah sia-sia. Manakala pada zaman pemerintahan Khalifah Abu Bakar as-Siddiq beliau telah menggunakan paksaan ke atas golongan yang enggan membayar zakat kepada kerajaan.

Secara ringkasnya, zakat telah ditetapkan oleh Allah dengan matlamat utama sebagai satu bentuk jaminan keselamatan sosial bagi mereka yang miskin dan memerlukan, membangunkan pertumbuhan ekonomi yang seimbang melalui agihan semula kekayaan dalam masyarakat dan juga sebagai satu bentuk penyucian dan pembangunan spiritual (Pathmawati Hj Ibrahim, 2008). Falsafahnya adalah mudah, zakat adalah satu perkongsian. Mengambil harta dari golongan kaya dan berada untuk diberikan kepada yang miskin, melarat dan melata serta mereka yang memerlukan. Falsafah zakat juga menggambarkan keseimbangan sosial di dalam Islam. Semakin kaya sesebuah masyarakat, semakin meningkat kutipan zakat. Semakin meningkat kutipan zakat maka semakin terbelah golongan asnaf-asnaf zakat. Inilah cantiknya hukum dan syariat zakat ini, sehinggakan di dalam lipatan sejarah ia amat berkesan semasa perlaksanaannya pada zaman Rasulullah SAW. Apatah lagi zakat adalah amalan baik yang berkesinambungan dari apa yang telah diamalkan sebelum turunnya Islam. Sifat-sifat mulia seperti belas ihsan, prihatin dan suka bersedekah telah difardukan akhirnya. Maka, oleh kerana ia sememangnya satu amalan mulia yang tidak bercanggah langsung dengan fitrah manusia, tidak pernah terdengar sedikit pun suara yang membantah dan mengingkari kewajibannya setelah ia diangkat oleh Allah SWT sebagai amalan wajib. Bahkan pada zaman itu, zakat telah menjadi item utama sumber pendapatan negara Madinah Al-Munawwarah demi menjaga pembangunan ummah.

ISU DAN OBJEKTIF KAJIAN

Zakat menduduki tempat terpenting dalam dasar dan operasi fiskal Islam. Ia dianggap sebagai alat fiskal semula jadi yang dibekalkan oleh Allah SWT dan berfungsi sebagai alat agihan pendapatan secara adil serta penggalak kegiatan ekonomi negara (Salama 1983 & Faridi 1983). Berbeza dengan dasar fiskal konvensional, dasar fiskal Islam mengiktiraf zakat sebagai instrumen di samping cukai dan perbelanjaan kerajaan. Zakat adalah unik kerana ia merupakan instrumen semula jadi yang membantu keseimbangan pendapatan negara melalui pengagihan pendapatan daripada golongan kaya kepada kumpulan miskin. Menolong golongan miskin adalah kewajipan golongan kaya kerana daripada hartanya ada hak orang lain iaitu orang miskin.

Kesan zakat sebagai alat dasar fiskal Islam dapat dilihat dalam dua senario. Yang pertama, zakat dapat meningkatkan permintaan agregat dalam negara manakala kesan kedua zakat dapat mengelakkan pembekuan harta dalam ekonomi melalui kegiatan pelaburan yang dijalankan. Dari aspek permintaan agregat, zakat dikenakan ke atas golongan kaya diagihkan kepada golongan miskin yang menyebabkan pendapatan orang kaya menurun dan pendapatan golongan miskin meningkat. Akhirnya ia dapat meningkatkan kecenderungan mengguna sut dan purata secara agregat dalam ekonomi. Wang zakat yang diagihkan kepada asnaf fakirdan miskin tadi akan digunakan oleh golongan ini untuk membeli barang-barang keperluan asas. Dengan peningkatan dalam kuasa beli mereka setelah menerima bantuan zakat

maka mereka mampu meningkatkan permintaan terhadap barang-barang dalam pasaran. Dengan kecenderungan mengguna sut golongan ini yang tinggi, penerima bantuan akan membelanjakan sebahagian besar perolehan itu untuk penggunaan (Faridi, 1983). Peningkatan kuasa beli boleh membantu menjana ekonomi negara secara tidak langsung kerana ia mewujudkan kesan rantaian terhadap sektor ekonomi yang lain. Permintaan pengguna yang bertambah ini akan menggerakkan pengeluaran dalam ekonomi. Di samping itu pertambahan tahap penggunaan agregat akan menghasilkan permintaan berkesan terhadap barangan keluaran industri dalam negara. Peningkatan dalam permintaan akan menggalakkan penawaran oleh pengeluar. Maka pengeluaran akan ditingkatkan untuk memenuhi permintaan tersebut.

Peningkatan permintaan agregat dalam negara bermakna merancakkan aktiviti ekonomi bagi menambah output keluaran, justeru dapat merangsang pertumbuhan serta pembangunan ekonomi dan akhirnya membantu mempercepatkan pencapaian status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 sebagaimana menjadi hasrat Model Baru Ekonomi (MBE). Matlamat utama MBE adalah untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju yang berpendapatan tinggi, keterangkuman dan kemampanan, yang akhirnya menjurus kepada objektif mencapai kualiti hidup yang sempurna untuk rakyat seperti ditunjukkan dalam Rajah 1. Daripada aspek ekonomi, matlamat utama ialah menggerakkan ekonomi ke arah negara berpendapatan tinggi dengan melonjakkan kuantum pendapatan per kapita daripada RM23,000 kepada RM49,000 pada tahun 2020. Bagi merealisasikan hasrat tersebut, negara memerlukan sasaran pertumbuhan ekonomi antara lima hingga lapan peratus setahun dan pertumbuhan itu pula mesti bersifat holistik, mampan serta mengutamakan kesejahteraan setiap lapisan masyarakat. Persoalan yang timbul adalah mengenai kemampuan negara untuk mencapai dan mengekalkan secara konsisten sasaran pertumbuhan ekonomi yang ditetapkan itu. Bolehkah zakat memainkan peranan ke arah pencapaian tersebut.

Berhadapan dengan persekitaran luar yang lebih mencabar dan krisis hutang berdaulat euro yang semakin berlarutan sehingga hari ini, kita tidak boleh bergantung kepada sektor luar semata-mata untuk menjana pertumbuhan ekonomi negara. Sebaliknya, kita perlu menjana pertumbuhan melalui kekuatan dan kekukuhan permintaan agregat dalam negara. Salah satu komponen utama permintaan agregat dalam negara yang akan diperkasakan ialah perbelanjaan penggunaan swasta berbanding perbelanjaan awam. Berdasarkan Jadual 1, sumbangan penggunaan swasta kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada tahun 2010 ialah 54.7 peratus dan dijangka meningkat kepada 60.7 peratus menjelang tahun 2020 berbanding penggunaan awam yang mengalami penurunan daripada 13.3 peratus kepada 9.9 peratus dalam tempoh yang sama.

Bagaimana kita dapat meningkatkan sumbangan perbelanjaan penggunaan swasta dalam hal ini. Di sinilah zakat sebagai instrumen semula jadi dasar fiskal Islam boleh berperanan sebagai pemangkin pembangunan ekonomi menuju ke arah negara berpendapatan tinggi. Zakat secara sinonimnya dikaitkan sebagai bantuan kepada orang susah. Dalam bahasa lebih santun, zakat dimanfaatkan untuk membantu golongan berpendapatan rendah seperti fakir dan miskin. Zakat hakikatnya adalah mekanisme ekonomi yang berbentuk global tetapi bersifat manusiawi. Memperkasakan zakat bermakna memperkasakan manusia. Itulah falsafah zakat yang indah di sisi Islam. Melalui agihan zakat kepada golongan berpendapatan rendah (khususnya asnaf fakir dan miskin) ia dapat menambah kuasa beli mereka dan mempertingkatkan perbelanjaan penggunaan secara agregat. Dengan ini, kekayaan negara akan dapat diagihkan di kalangan masyarakat secara saksama dan berkesan sehingga tiada seorang umat Islam pun berada dalam kemiskinan dan kelaparan.

Teori gelagat pengguna secara umumnya menyatakan bahawa golongan miskin mempunyai kecenderungan mengguna sut (MPC) yang lebih tinggi berbanding golongan kaya. Justeru, kesan pengagihan zakat mampu meningkatkan permintaan agregat dalam negara melalui kegiatan ekonomi yang aktif dan akhirnya berupaya menjana pertumbuhan ekonomi. Namun sejauh manakah keupayaan zakat dalam kes Malaysia. Lantaran itu, kajian ini bertujuan membuktikan bahawa zakat sebagai instrumen semula jadi dasar fiskal Islam amat berpotensi untuk berperanan menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi dan seterusnya membantu negara menuju ke arah negara berpendapatan tinggi.

TINJAUAN LITERATUR

Pengkaji zakat sebelum ini banyak membuat kajian berkaitan strategi meningkatkan jumlah kutipan dan isu agihan zakat kepada lapan kumpulan asnaf yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, kajian ini akan hanya menyoroti kajian terdahulu yang khusus membincangkan implikasi agihan zakat terhadap pembangunan ekonomi ummah iaitu melalui aspek agihan pendapatan serta pembasmian kemiskinan.

Agihan zakat yang cekap, sistematik dan berkesan terhadap kumpulan sasaran dapat menjadi pemangkin pembangunan ekonomi. Kesannya dapat dilihat melalui agihan pendapatan yang lebih setara (jurang perbezaan pendapatan berkurang) dan penurunan insiden kemiskinan yang akhirnya dapat meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat.

Kajian awal kesan zakat terhadap agihan pendapatan telah dilakukan oleh Ismail Salleh dan Rogayah Ngah (1980). Mereka telah mengkaji kesan zakat terhadap agihan pendapatan di kalangan pengeluar padi di empat buah negeri di Malaysia iaitu Perak, Kedah, Kelantan dan Terengganu. Kajian yang dijalankan pada tahun 1978 itu menggunakan indeks Koefisien Gini bagi mengukur ketidakseimbangan agihan pendapatan yang digambarkan berdasarkan keluk Lorenz. Indeks penurunan pula digunakan untuk mengukur perbezaan sebelum dan selepas agihan zakat. Indeks ini dapat menentukan sumbangan agihan zakat terhadap agihan pendapatan pengeluar padi sama ada positif atau negatif. Hasil kajian mereka mendapati zakat yang dipungut di Malaysia mampu memperbaiki agihan pendapatan kasar di kalangan para pengeluar padi.

Kajian lain berkaitan kesan zakat terhadap agihan pendapatan telah dilakukan oleh Jehle, (1994). Jehle menganalisis kesan zakat terhadap agihan pendapatan di Pakistan, dengan menggunakan data tahun 1987-88. Beliau menggunakan Indeks AKS bagi mengukur ketidakseimbangan agihan pendapatan. Indeks AKS menggunakan indeks etika untuk melihat kesan keseluruhan agihan pendapatan. Ianya berasaskan kepada konsep "*equally distributed equivalent income*". Hasil kajian beliau mendapati zakat telah dapat mengurangkan ketidakseimbangan agihan pendapatan di Pakistan, walaupun penurunan tersebut adalah kecil.

Noor Ghani et. al (2002) pula telah membuat kajian tentang pengagihan zakat sebagai sumber pendapatan dan aset. Kajian telah dilakukan di kalangan asnaf di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Mereka berpandangan dana zakat yang terhad harus diagihkan secara optimal bagi memaksimumkan manfaatnya kepada asnaf fakir dan miskin. Menerusi kajian tersebut mereka telah dapat mengenalpasti faktor-faktor kejayaan perusahaan mikro yang telah dibiayai melalui dana zakat. Analisis yang dijalankan berjaya membuktikan bahawa faktor gender, umur, bilangan lawatan penyelia projek dan pengalaman adalah signifikan dalam menentukan kejayaan projek yang dibiayai melalui dana zakat. Adalah jelas bahawa dana zakat adalah pemangkin pembangunan ekonomi ummah dan dapat menjana pertumbuhan ekonomi negara.

Suhailiza Abd Hadi (2003) dalam kajiannya telah melihat sejauh mana keberkesanan skim agihan zakat ke atas asnaf fakir dan miskin di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kajian ini membuktikan bahawa Skim Bantuan Kewangan Bulanan telah berjaya membantu asnaf fakir dan miskin meningkatkan taraf hidup mereka. Bantuan yang diberikan telah memberi impak besar terhadap pendapatan penerima sehingga melebihi 100 peratus terutamanya kepada penerima yang tidak mempunyai sebarang punca pendapatan sebelum ini. Walau bagaimanapun, kajian juga mendapati bantuan yang diterima sebanyak RM100 hingga RM300 sebulan masih tidak dapat menampung keseluruhan perbelanjaan penerima bantuan sehingga akhir bulan, terutamanya kepada penerima yang mempunyai jumlah tanggungan yang ramai dan tidak mempunyai sebarang punca pendapatan lain.

Patmawati Ibrahim (2006) telah mengkaji kesan agihan zakat terhadap agihan pendapatan di kalangan asnaf fakir dan miskin di Selangor. Berdasarkan data tahun 2001 dan 2002, beliau telah menggunakan indeks Koefisien Gini dalam analisisnya. Keluk Lorenz telah digunakan bagi mengukur agihan pendapatan. Hasil kajian beliau mendapati bahawa agihan zakat berjaya mengurangkan ketidakseimbangan agihan pendapatan di kalangan asnaf fakir dan miskin. Hasil kajian beliau mencadangkan supaya kaedah agihan zakat diperbaiki dengan menggunakan had kifayah sebagai pendapatan garis kemiskinan serta mengambil kira lokasi penerima sama ada di bandar atau luar bandar dan juga kedudukan kewangan penerima agihan. Umlah bantuan yang diberikan mestilah menyamai atau lebih dari jurang kemiskinan berdasarkan had kifayah.

Kajian mengenai peranan zakat dalam membasmi kemiskinan telah dijalankan oleh Shirazi (1996). Beliau telah mengkaji tentang kesan zakat dan *'ushr'* bagi membasmi kemiskinan di Pakistan. Beliau telah menggunakan data tahun 1990 dan 1991. Analisis dibuat berdasarkan Indeks FGT bagi melihat kesan zakat dan *'ushr'* ke atas pembasmian kemiskinan di Pakistan. Hasil kajian beliau mendapati kadar kemiskinan berkurangan dari 38.7% kepada 38% dengan adanya agihan zakat dan *'ushr'*. Kajian beliau juga mendapati agihan zakat dan *'ushr'* berjaya mengurangkan jurang kemiskinan dari 11.2% kepada 8%. Beliau juga mendapati agihan zakat mempunyai kesan yang signifikan terhadap pendapatan bolehguna golongan berpendapatan rendah.

Bank Pembangunan Islam (IDB) telah menjalankan kajian pada tahun 2004 untuk melihat sama ada dana zakat mencukupi bagi memenuhi keperluan golongan miskin. Sebanyak 24 buah negara anggota IDB telah dipilih sebagai sampel kajian. Hasil kajian mendapati, bagi negara-negara yang mempunyai pendapatan per kapita yang rendah dan masalah kemiskinan yang tinggi, jumlah kutipan zakat tidak mencukupi untuk menampung keperluan golongan miskin ini. Oleh itu, dana zakat yang ada perlu digunakan dengan cekap. Bantuan yang diberi tidak boleh dalam bentuk bantuan 'mencukupkan pendapatan' sahaja, sebaliknya bantuan yang diberi haruslah mampu meningkatkan produktiviti golongan miskin ini supaya dalam jangka panjang mereka bukan setakat boleh keluar dari kemiskinan tetapi juga mampu membayar zakat (Patmawati Ibrahim, 2008).

Patmawati Ibrahim (2006) telah mengkaji kesan agihan zakat dalam mengatasi masalah kemiskinan di Selangor. Data yang digunakan adalah tahun 2001-2002. Kajian beliau menggunakan lima indeks kemiskinan yang popular digunakan oleh kebanyakan penyelidik dalam bidang ini, iaitu kadar kemiskinan, ($H = q/N$), jurang kemiskinan ($P1$), jurang pendapatan ($P2$), Sen indeks ($P3$) dan FGT indeks ($P4$). Indeks-indeks ini digunakan untuk menganalisis isu-isu seperti berapa ramai isirumah miskin; berapakah jurang kemiskinan tersebut; dan bagaimanakah beratnya tekanan kemiskinan tersebut. Hasil kajian beliau mendapati agihan zakat berjaya menurunkan kadar kemiskinan, merapatkan jurang kemiskinan dan mengurangkan jurang pendapatan. Sen indeks dan FGT indeks yang mengukur tekanan kemiskinan dengan mengambil kira tahap kebajikan masyarakat turut berkurangan. Kesimpulannya, kajian beliau mendapati agihan zakat mampu mengurangkan kadar kemiskinan, jurang kemiskinan dan tekanan kemiskinan yang dialami oleh golongan kurang berkemampuan.

Kajian yang dilakukan oleh Fuadah Johari (2004) pula mendapati agihan zakat yang dibuat oleh Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) telah dapat mengurangkan kadar kemiskinan di negeri Melaka. Dalam kajian tersebut, pengujian dibuat melalui kaedah korelasi, insiden kemiskinan, Keluk Lorenz dan Koefisien Gini. Kajian mendapati terdapat hubungan positif antara pungutan dan agihan zakat yang telah dibuat oleh MAIM dari tahun 1997 sehingga 2000. Jumlah agihan terhadap asnaf fakir dan miskin akan meningkat sekiranya jumlah pungutan hasil zakat dapat dipertingkatkan. Selain itu, agihan zakat juga dapat mengeluarkan sebanyak 30 peratus responden daripada golongan fakir kepada golongan miskin. Menerusi agihan zakat juga ia berjaya mengeluarkan 10 peratus responden daripada di bawah garis kemiskinan berbanding sebelum agihan zakat dibuat. Kajian juga mendapati agihan zakat dapat mengurangkan perbezaan ketidakseimbangan agihan pendapatan dengan bentuk Keluk Lorenz yang lebih hampir kepada garis keseimbangan. Darjah ketidakseimbangan pendapatan semakin kecil selepas agihan zakat dibuat dan hampir dapat merapatkan jurang perbezaan pendapatan antara golongan fakir dan miskin.

Kajian-kajian empirikal yang dijalankan berjaya membuktikan potensi zakat sebagai pemangkin pembangunan ekonomi melalui pengurangan insiden kemiskinan dan memperbaiki ketidakseimbangan agihan pendapatan di kalangan golongan miskin. Kejayaan ini sudah tentu membantu mempercepatkan sasaran negara maju berpendapatan tinggi yang dihasratkan melalui MEB menjadi realiti. Oleh itu potensi zakat sebagai pemangkin pembangunan ekonomi dan seterusnya mempercepatkan pencapaian status negara berpendapatan tinggi tidak dapat disangkal lagi.

METODOLOGI KAJIAN

Model penggunaan Keynsian atau lebih dikenali sebagai *absolute income hypothesis* digunakan dalam kajian ini. Maklumat perbelanjaan bulanan isi rumah diambil daripada Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah oleh Jabatan Statistik berdasarkan siasatan yang telah dijalankan pada tahun 1993, 1998, 2004 dan 2009. Data pendapatan isi rumah kaya diwakili oleh pendapatan kasar bulanan purata kumpulan isi rumah Bumiputera 20 peratus tertinggi berdasarkan Perangkaan Pendapatan & Kemiskinan Isi Rumah. Manakala pendapatan golongan miskin berdasarkan pendapatan garis kemiskinan bagi tempoh siasatan dijalankan. Kedua-dua maklumat dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi. Kadar zakat pendapatan yang dikenakan berdasarkan kadar semasa yang ditetapkan iaitu sebanyak 2.5 peratus.

Spesifikasi model

Andaian yang digunakan dalam model ini ialah rakyat sesebuah negara dibahagikan kepada dua golongan iaitu kaya dan miskin. Fungsi penggunaan golongan kaya diwakili oleh 1 yang mana jumlah pendapatan mereka ialah Y_1 dan penggunaan C_1 seperti dalam persamaan (1);

$$C_1 = a_1 + b_1 Y_1 \quad (1)$$

Manakala fungsi penggunaan golongan miskin diwakili oleh 2 dengan jumlah pendapatan mereka Y_2 dan penggunaan C_2 seperti ditunjukkan dalam persamaan (2);

$$C_2 = a_2 + b_2 Y_2 \quad (2)$$

Fungsi penggunaan (1) dan (2) merujuk kepada kesanggupan membayar pengguna untuk memperoleh sejumlah barangan dan perkhidmatan pada pelbagai tingkat harga pasaran. Nilai b_1 mewakili nilai MPC bagi pendapatan golongan kaya dan b_2 adalah nilai MPC bagi pendapatan golongan miskin. Model penggunaan akan dianggarkan bagi dua keadaan iaitu sebelum zakat dan selepas zakat.

ANALISIS KAJIAN

Perbandingan koefisien model bagi golongan kaya dan miskin sebelum dan selepas pengagihan zakat ditunjukkan dalam Jadual 2. Perbandingan ringkasan model pula ditunjukkan dalam Jadual 3. Secara umumnya dapatan kajian bagi fungsi penggunaan isi rumah bagi kedua-dua golongan memenuhi kriteria ekonometrik secara sederhana. Pemboleh ubah bebas dapat menerangkan pemboleh ubah bersandar dengan sederhana baik sebagaimana ditunjukkan oleh nilai R^2 bagi setiap golongan seperti dalam Jadual 3. Walau bagaimanapun ia boleh digunakan kerana data yang digunakan adalah berdasarkan data individu.

JADUAL 4: Perbandingan nilai MPC

	MPC golongan kaya	MPC golongan miskin
Sebelum pengagihan zakat	0.608	1.018
Selepas pengagihan zakat	0.623	0.630

Dapatan kajian seperti dirumuskan dalam Jadual 4 telah mewujudkan dua implikasi penting. Pertama, sebelum diagihkan zakat, nilai MPC golongan miskin (1.018) lebih besar daripada MPC golongan kaya (0.608). Ini bermakna penggunaan marginal golongan miskin lebih tinggi daripada penggunaan orang kaya. Bagi golongan miskin, setiap tambahan pendapatan sebanyak RM1 akan digunakan sepenuhnya sebanyak RM1.018, berbanding dengan orang kaya yang mana setiap tambahan RM1 mereka hanya berbelanja sebanyak RM0.608 dan bakinya dijadikan simpanan atau dilaburkan. Ini bermakna agihan zakat daripada golongan kaya kepada golongan miskin akan dapat merangsang kegiatan ekonomi. Dengan adanya zakat, kegiatan ekonomi menjadi semakin aktif kerana golongan miskin yang mendapat wang dari agihan zakat akan menggunakan wang tersebut dengan kadar yang lebih tinggi berbanding dengan keadaan sekiranya wang tersebut kekal berada dalam tangan orang kaya. (Jaafar Ahmad et al, 2010).

Implikasi kedua pula ialah selepas agihan zakat kajian mendapati MPC golongan miskin telah berkurangan daripada 1.018 kepada 0.630. Ini bermakna gelagat penggunaan golongan miskin telah berubah dan menyamai gelagat penggunaan golongan kaya, yang juga bermakna melalui pengagihan zakat, orang miskin sebenarnya telah menjadi lebih kaya daripada sebelumnya.

Hasil kajian membuktikan bahawa agihan zakat kepada golongan berpendapatan rendah dapat meningkatkan permintaan agregat kerana MPC golongan ini lebih tinggi daripada MPC golongan kaya. Seterusnya, ia dapat merangsang pertumbuhan ekonomi dan akhirnya membantu mengubah status golongan miskin kepada golongan kaya. Justeru dapatan ini membuktikan bahawa zakat berperanan sebagai pemangkin pembangunan ekonomi dan seterusnya membantu negara menuju ke arah negara kaya berpendapatan tinggi.

IMPLIKASI DASAR

Menyedari potensi zakat sebagai pemangkin pembangunan ekonomi menuju ke arah negara berpendapatan tinggi, fungsi zakat perlu diperkasakan supaya ia dapat memaksimumkan sumbangannya. Pemerksaan fungsi zakat bermaksud memperkasakan aspek kutipan dan pengagihan zakat secara berkesan supaya sampai kepada kumpulan sasaran asnaf yang lapan tanpa berlaku sebarang ketirisan. Sesuai dengan hasrat

menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi pada 2020, kaedah kutipan dan agihan zakat perlu melalui proses transformasi. Transformasi yang dimaksudkan merujuk kepada aspek pengurusan zakat yang meliputi profesion amil yang berkualiti serta profesional bagi menghasilkan pengurusan dan output perkhidmatan yang berkualiti. Selain itu, lokalisasi pengagihan zakat perlu diagihkan (*decentralized*) meliputi peringkat daerah dan mukim yang lebih hampir kepada golongan asnaf memandangkan pengagihan secara berpusat (*centralized*) yang diamalkan sekarang kurang berkesan. (Hairunnizam Wahid et al, 2011).

Amil amat berperanan penting dalam pengurusan zakat. Oleh itu profesion sebagai amil perlu dimantapkan agar sasaran serta misi pengurusan zakat dapat dicapai dengan cemerlang. Ia perlu bermula dari input iaitu amil yang berkualiti bakal menghasilkan pengurusan dan output perkhidmatan zakat yang berkualiti. Pelantikan amil berkualiti perlu merangkumi semua aspek seperti sahsiah dan akhlak, tahap pendidikan yang tinggi dan profesional, tahap pengetahuan agama yang tinggi, mudah diterima oleh masyarakat dan sebagainya. Kejayaan pelaksanaan lokalisasi pengagihan zakat amat bergantung kepada kualiti amil di peringkat mukim agar ia dapat menyokong kualiti pengurusan zakat di peringkat daerah dan negeri. Ini akhirnya dapat mengatasi dan menyelesaikan masalah pengagihan zakat di Malaysia (Hairunnizam Wahid et al, 2011).

Walaupun zakat adalah ibadah yang rukun sifatnya, kemampuan institusi mentransformasikannya kepada imej baru adalah nilai tambah yang baik dan menguntungkan Islam dan umatnya. Oleh itu, inisiatif mengkomersialkan zakat perlu ditinjau daripada kaca mata positif. Bahkan usaha itu perlu dimulai sekarang disertai impian dan keazaman kukuh bagi merealisasikannya. Mungkin pakej dengan Lembaga Tabung Haji boleh diterokai. Misalnya pembayar zakat bertuah berpeluang mengerjakan haji dengan pembiayaan ditanggung institusi zakat dan sebahagiannya lagi oleh Tabung Haji. Begitu juga pakej dengan institusi takaful misalnya, mereka yang berzakat boleh mendapat pelan perlindungan diri untuk setahun. Inilah antara pakej 2 dalam 1 yang mampu menarik lebih ramai pembayar zakat melaksanakan kewajipan yang telah difardukan itu.

Pelaburan wang zakat mungkin dianggap perkara baru dalam pengurusan zakat di negara ini. Kajian mendalam mengenai potensi dan kaedah pelaksanaannya mengikut perspektif Islam perlu dilakukan. Melalui aktiviti ini ia dapat mengembangsuburkan dana masyarakat Islam yang bukan kecil jumlahnya untuk kemaslahatan pembangunan ekonomi ummah. Selain daripada itu, masyarakat awam perlu diberi penjelasan tentang konsep pelaburan wang zakat. Kefahaman ini penting agar tidak berlaku salah faham terhadap baitulmal ataupun pusat zakat dalam merancang dan mengagihkan zakat secara telus, amanah dan adil.

KESIMPULAN

Kajian empirikal ini telah berjaya membuktikan bahawa zakat sebagai instrumen semula jadi dasar fiskal Islam boleh berperanan sebagai pemangkin kepada kebangkitan ekonomi negara ketika negara berusaha mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Zakat sekiranya dilaksanakan dengan berkesan dan cekap bukan hanya dapat meningkatkan ketakwaan dan spiritual masyarakat terhadap Yang Maha Esa tetapi juga meningkatkan tahap sosio ekonomi ummah secara keseluruhannya.

RUJUKAN

- Faridi F.R. (1983). A Theory of Fiscal Policy in an Islamic State. In. *Fiscal Policy and Resource Allocation in Islam* edited by Ziauddin Ahmad, Munawar Iqbal & M Fahim Khan. Islamabad :Institute of Policy Studies.
- Fuadah Johari. (2004). *Keberkesanan Zakat Dalam Mengatasi Masalah Kemiskinan di negeri Melaka*. Jabatan Syariah dan Ekonomi, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad, Radiah Abdul Kader. (2011). *Lokalisasi pengagihan zakat di Malaysia: Adakah amil sudah bersedia?* Kertas kerja dibentangkan di Seminar IDMAC 2011, 13-14 Disember 2011 di USM, P. Pinang anjuran ISDEV.

- Ismail Muhd Salleh and Rogayah Ngah. (1980). "Distribution of the Zakat Burden on Padi Producers in Malaysia" in M. Raquibuz Zaman (ed.), *Some Aspects of the Economics of Zakat*. New York: American Trust Publication, hh. 81-153.
- Jaafar Ahmad, Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid. (2011). *Ekonomi Islam: Satu Pendekatan Analisis*. Penerbit UKM, Bangi.
- Jehle, Geoffrey A. (1994), "Zakat and Inequality: Some Evidence From Pakistan", *Review of Income and Wealth*, Series 40, Number 2, June, hlm. 205-216.
- Noor Ghani Md Nor, Abd Razak Dan & Mohd Ali Mohd Noor. (2002). *The Contribution of Zakat asan Income Creating Assein Selangor and Wilayah Persekutuan, Malaysia*. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 36, hlm.69-80.
- Patmawati Ibrahim. (2006). "Economic Role of Zakat in Reducing Income Inequality and Poverty in Selangor", PhD Thesis, Faculty of Economics and Management, Universiti Putra Malaysia (unpublished).
- Patmawati Ibrahim. (2008). *Pembangunan Ekonomi Melalui Agihan Zakat: Tinjauan Empirikal*. *Jurnal Syariah*, Jil.16, Bil.2, hlm 223-244
- Salama, A.A. (1983). Fiscal Policy of an Islamic State. In. *Fiscal Policy and Resource Allocation in Islam* edited by Ziauddin Ahmad, Munawar Iqbal & M Fahim Khan. Islamabad: Institute of Policy Studies.
- Shirazi, N.S. (1996). *System of Zakat in Pakistan: An Appraisal*, Islamabad: International Institute of Islamic Economics.
- Suhailiza Abd Hadi. (2003). *Agihan Zakat ke Atas Asnaf Fakir dan Miskin Melalui Skim Bantuan Kewangan Bulanan: Kajian di Wilayah Persekutuan*. Jabatan Syariah dan Ekonomi, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.



RAJAH 1: Matlamat Model Baru Ekonomi

JADUAL 1: Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Kategori Perbelanjaan, 2010-2020.

	RM juta (pada 2000 harga tetap & harga semasa dalam huruf italik)			% daripada KDNK			Kadar pertumbuhan tahunan purata (%)	
	2010*	2015	2020	2010	2015	2020	2011-15	2016-20
Perbelanjaan penggunaan	365,598	490,851	715,665	67.9	67.5	70.6	6.1	7.8
	<i>445,638</i>	<i>659,572</i>	<i>1,050,975</i>	<i>67.9</i>	<i>67.5</i>	<i>70.6</i>	<i>7.8</i>	<i>9.8</i>
Swasta	294,134	407,444	614,868	54.7	56.0	60.7	6.7	8.6
	<i>358,529</i>	<i>547,494</i>	<i>902,953</i>	<i>54.7</i>	<i>56.0</i>	<i>60.7</i>	<i>8.8</i>	<i>10.5</i>
Awam	71,464	83,408	100,796	13.3	11.5	9.9	3.1	3.9
	<i>87,110</i>	<i>112,078</i>	<i>148,022</i>	<i>13.3</i>	<i>11.5</i>	<i>9.9</i>	<i>3.9</i>	<i>5.7</i>
Pembentukan Modal Tetap Kasar	125,187	191,487	286,552	23.3	26.3	28.3	8.9	8.4
	<i>152,594</i>	<i>257,307</i>	<i>420,810</i>	<i>23.3</i>	<i>26.3</i>	<i>28.3</i>	<i>11.2</i>	<i>10.3</i>
Swasta	57,175	106,207	180,485	10.6	14.6	17.8	13.2	11.2
	<i>69,692</i>	<i>142,713</i>	<i>265,048</i>	<i>10.6</i>	<i>14.6</i>	<i>17.8</i>	<i>15.4</i>	<i>13.2</i>
Awam	68,012	85,280	106,067	12.6	11.7	10.5	4.6	4.5
	<i>82,902</i>	<i>114,594</i>	<i>155,763</i>	<i>12.6</i>	<i>11.7</i>	<i>10.5</i>	<i>7.0</i>	<i>6.3</i>
Eksport Barangan & Perkhidmatan	546,375	808,562	1,196,790	101.5	111.1	118.1	8.2	8.2
	<i>665,993</i>	<i>1,086,489</i>	<i>1,757,522</i>	<i>101.5</i>	<i>111.1</i>	<i>118.1</i>	<i>10.8</i>	<i>10.1</i>
Import Barangan & Perkhidmatan	502,100	749,148	1,168,375	93.3	103.0	115.3	8.3	9.3
	<i>612,025</i>	<i>1,006,653</i>	<i>1,715,793</i>	<i>93.3</i>	<i>103.0</i>	<i>115.3</i>	<i>13.8</i>	<i>11.3</i>
KDNK	538,069	727,510	1,013,691				6.2	6.9
	<i>724,480</i>	<i>977,577</i>	<i>1,488,636</i>				<i>6.3</i>	<i>8.8</i>
KNK	516,144	723,869	1,028,558				7.0	7.3
	<i>716,950</i>	<i>1,136,091</i>	<i>1,800,684</i>				<i>6.6</i>	<i>9.2</i>
KDNK (AS\$ juta)**	210,868	355,028	562,714					
KDNK per kapita (AS\$)**	7,558	11,929	17,725					

Sumber: Laporan Ekonomi, BNM & EPU

Notes: Kadar pertumbuhan penduduk pada 2010 adalah 1.5% & kadar tukaran mata wang adalah RM3.4/AS\$ pada 2010. Tahun dasar adalah 2010 berasaskan angka disemak semula terakhir daripada EPU. Harga semasa dikira berasaskan angka ramalan pendeflasi harga implisit KDNK & KNK yang diperoleh daripada IMF-IFS CD-ROM. Bagi 2011-2010, kadar pertumbuhan penduduk purata adalah 1.3% & kadar tukaran mata wang purata adalah RM3.2/AS\$.

* Berdasarkan anggaran disemak semula terakhir daripada EPU

**Pada harga pasaran semasa

JADUAL 2: Perbandingan Koefisyen model.

i) MPC Kaya sebelum bayar zakat

Model	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig	F	95% Confidence Interval for B	
	B	Std error					Beta	Lower bound
(Constant)	2376.981	1445.289		1.645	.242		-3841.597	8595.559
Pendapatan	.608	.228	.884	2.667	.116	7.115	-.372	1.588

ii) MPC Kaya selepas bayar zakat

Model	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig	F	95% Confidence Interval for B	
	B	Std error					Beta	Lower bound
(Constant)	2376.976	1445.265		1.645	.242		-3841.497	8595.448
Yz	.623	.234	.884	2.667	.116	7.115	-.382	1.628

iii) MPC Miskin sebelum terima zakat

Model	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig	F	95% Confidence Interval for B	
	B	Std error					Beta	Lower bound
(Constant)	-33.504	256.566		-.131	.908		-1137.420	1070.412
Pendapatan	1.018	.477	.833	2.133	.167	4.551	-1.036	3.072

iv) MPC Miskin selepas terima zakat

Model	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig	F	95% Confidence Interval for B	
	B	Std error					Beta	Lower bound
(Constant)	79.125	198.577		.398	.729		-.775.284	933.534
YMz	.630	.286	.841	2.199	.159	4.836	-.602	1.861

JADUAL 3: Perbandingan Ringkasan Model

i) MPC Kaya sebelum bayar zakat

Model Summary^b

Model	R	R square	Adjusted R square	Std error of estimate	Change Statistics					Durbin Watson
					R sq. change	F change	df1	df2	Sig F change	
1	.884 ^a	.781	.671	1001.647	.781	7.115	1	2	.116	3.403

a. Predictors: (constant): Pendapatan

b. Dependent Variable: Penggunaan

ii) MPC Kaya selepas bayar zakat

Model Summary^b

Model	R	R square	Adjusted R square	Std error of estimate	Change Statistics					Durbin Watson
					R sq. change	F change	df1	df2	Sig F change	
1	.884 ^a	.781	.671	1001.632	.781	7.115	1	2	.116	3.403

a. Predictors: (constant): Yz

b. Dependent Variable: C

iii) MPC Miskin sebelum terima zakat

Model Summary^b

Model	R	R square	Adjusted R square	Std error of estimate	Change Statistics					Durbin Watson
					R sq. change	F change	df1	df2	Sig F change	
1	.833 ^a	.695	.542	82.300	.695	4.551	1	2	.167	2.971

a. Predictors: (constant): Pendapatan

b. Dependent Variable: Perbelanjaan

iv) MPC Miskin selepas terima zakat

Model Summary^b

Model	R	R square	Adjusted R square	Std error of estimate	Change Statistics					Durbin Watson
					R sq. change	F change	df1	df2	Sig F change	
1	.841 ^a	.707	.561	80.565	.707	4.836	1	2	.159	2.859

a. Predictors: (constant): YMz

b. Dependent Variable: C